

SOALAN LAZIM (FAQ)

SYARAT KELAYAKAN BANTUAN KEWANGAN GERAN BANTUAN KHAS SECARA ONE-OFF RM3000.00 DI BAWAH INISIATIF PROGRAM STRATEGIK MEMPERKASA RAKYAT DAN EKONOMI (PEMERKASA) BAGI SYARIKAT MALAYSIA MY SECOND HOME (MM2H) YANG BERLESEN DI BAWAH MOTAC

1. Adakah semua syarikat MM2H yang memegang Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*) di bawah MOTAC layak untuk Bantuan Kewangan Geran Bantuan Khas sebanyak RM3000 di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA)?

Ya. Semua syarikat MM2H yang memegang Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri (*Inbound*) di bawah MOTAC yang memenuhi syarat layak memohon bantuan ini.

2. Adakah lesen syarikat yang telah tamat tempoh pada 31 Disember 2019 layak menerima bantuan ini?

Tidak layak. Syarikat yang tamat tempoh pada/selepas 1 Januari 2020 hanya layak dipertimbangkan sekiranya telah mengemukakan permohonan pembaharuan dengan Pejabat MOTAC Negeri pada atau sebelum 15 Ogos 2021 dengan syarat semua dokumen pembaharuan telah lengkap dihantar dan fi proses telah dibayar.

3. Adakah syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak layak menerima bantuan ini?

Syarikat yang mempunyai kompaun tertunggak yang dikeluarkan oleh MOTAC di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] dan telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan layak menerima bantuan ini.

4. Sekiranya syarikat saya yang mempunyai 1 atau lebih cawangan, adakah setiap cawangan layak memohon bantuan *One-Off* ini?

Tidak. Setiap syarikat pengendali pelancongan yang berlesen hanya layak mengemukakan satu (1) permohonan sahaja walaupun syarikat mempunyai satu (1) atau lebih cawangan.

5. Jika terdapat syarikat pengendali pelancongan yang tidak layak menerima bantuan ini berdasarkan syarat-syarat yang ditentukan oleh MOTAC, adakah syarikat tersebut boleh membuat rayuan kepada MOTAC?

Hanya syarikat pengendali pelancongan berlesen (MM2H) yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan sahaja yang layak menerima bantuan kewangan ini. Keputusan adalah muktamad dan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

6. Sekiranya ada pertanyaan lanjut berkenaan dengan bayaran bantuan *One-Off* RM3,000.00 di bawah inisiatif Program Strategik Memperkasa Rakyat Dan Ekonomi (PEMERKASA), bagaimanakah orang ramai boleh mendapat maklumat?

Makluman berkenaan bayaran bantuan *One-Off* ini akan diumumkan dari semasa ke semasa di laman sesawang rasmi dan Facebook rasmi MOTAC. Orang ramai juga boleh menghubungi Pejabat MOTAC Negeri yang berdekatan.

7. Di manakah syarikat perlu mengemukakan Borang PEMERKASA MM2H dan dokumen sokongan yang lain bagi menerima bantuan ini?

Syarikat pengendali pelancong (MM2H) yang layak perlu mengemukakan permohonan berserta dokumen sokongan yang lain melalui borang atas talian.

8. Adakah syarikat pengendali pelancongan (MM2H) boleh mewakilkan cawangannya mengemukakan permohonan bagi ibu pejabatnya?

Tidak. Hanya Ibu pejabat syarikat induk sahaja yang layak menerima bantuan ini.